

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(IX)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENGKALAN KOTA  
YB. GOOI ZI SEN**

12. Program Penyelenggaraan Perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).
  - (a) Sila senaraikan permohonan penyelenggaraan perumahan yang diluluskan mengikut lokasi, jenis penyelenggaraan, kos penyelenggaraan serta kaedah pengagihan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).
  - (b) Sila senaraikan kriteria (jenis penyelenggaraan, kaedah pengagihan kos) yang layak untuk mengemukakan permohonan kepada PDC.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri yang prihatin terhadap permasalahan rakyat terutamanya berkaitan penyelenggaraan perumahan di bawah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), telah mewujudkan suatu kaedah perkongsian kos penyelenggaraan di antara PDC dan Perbadanan Pengurusan (MC). Kaedah perkongsian kos ini dikhaskan untuk projek perumahan bertingkat PDC yang telah diserahkan kepada Perbadanan Pengurusan.

- (a) Sehingga 15 Julai 2018, sebanyak 42 permohonan penyelenggaraan melibatkan kos sebanyak RM8,115,693.00 telah diluluskan di bawah Program Penyelenggaraan Perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). 42 permohonan berikut adalah merangkumi 26 kerja pengecatan semula, 9 permohonan pemberian kerja kritis dan 7 kerja penggantian lif. Perincian mengikut jenis penyelenggaraan, kos penyelenggaraan dan kaedah pengagihan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- (b) Secara amnya, kaedah pengagihan kos adalah berdasarkan kepada lokasi projek dan jenis penyelenggaraan yang dipohon. Sebagai contoh, jenis penyelenggaraan seperti kebocoran bumbung, kerosakan tangki air, kerosakan sistem perpaipan dan pemberian atau penggantian lif akan dipertimbangkan untuk kelulusan. Peratusan pengagihan kos secara terperinci adalah seperti di **Lampiran 2**.